

02 SEP 1996

DAIM SERU USAHAWAN M'SIA MEMASUKI SEKTOR-SEKTOR PERNIAGAAN DI CHINA

Oleh: Yong Soo Heong

KUALA LUMPUR, 2 Sept (Bernama) -- Penasihat ekonomi kepada kerajaan, Tun Daim Zainuddin, menyeru para usahawan Malaysia supaya memperluaskan penerokaan mereka di China dan tidak semata-mata memberi tumpuan kepada kawasan-kawasan tradisional.

Ketika merasmikan Forum China-Asia hari ini di sini, beliau berkata mereka harus lihat kepada kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti oleh pihak berkuasa China sebagai "industri-industri tonggak" seperti automotif, elektronik, petrokimia, kejenteraan dan bahan-bahan binaan serta memperkukuhkan pembabitan mereka dalam industri-industri sedia ada.

Forum dua hari itu dianjurkan oleh Asia Business Forum dan TNC Consultants. Para peserta termasuk daripada Persekutuan Industri dan Perniagaan Seluruh China dan Dewan Perniagaan dan Perusahaan Seluruh China.

Mengenai perdagangan sedunia, Daim berkata ia telah meningkat tiga kali daripada AS\$1.2 bilion (kira-kira RM2.98 bilion) dalam 1990 kepada AS\$3.7 bilion (kira-kira RM9.21 bilion) tahun lepas.

Sejak itu China, katanya, telah muncul sebagai rakan perdagangan terbesar Malaysia yang ke-10.

Daim berkata hampir separuh daripada pelaburan Malaysia di China tertumpu kepada pembangunan hartanah manakala kira-kira 31 adalah dalam bidang perkhidmatan dan pembuatan, peruncitan dan kemudahan prasarana.

Kebanyakan daripada pelaburan Malaysia, yang berjumlah kira-kira AS\$720 juta (kira-kira RM1.79 bilion) sehingga Mei tahun ini, juga tertumpu di bahagian selatan China di wilayah-wilayah Guangdong, Fujian dan Hainan.

Daim memberitahu para usahawan Malaysia supaya lebih berani dan memperbesarkan penyertaan mereka dalam ekonomi China dengan memasuki perikatan-perikatan strategik dengan rakan-rakan kongsi di negara tersebut.

Beliau berkata terdapat banyak peluang untuk semua orang di China kerana, dengan penduduk sebanyak 1.2 bilion, kemakmuran dalam ekonomi yang berasaskan pasaran telah meningkat, dan menambah kata bahawa terdapat anggaran bahawa 60 juta orang di China mempunyai pendapatan lebih daripada AS\$1,000 (kira-kira RM2,490) atau lebih bagi setiap seorang.

Keperluan golongan itu adalah besar dan para usahawan tidak harus lupa tentang perkara itu, katanya.

"Pengguna-pengguna baru itu akan memerlukan barangan bagi keperluan isi rumah walaupun ia adalah sebahagian kecil daripada penduduk, potensi bagi sebuah pasaran yang sebesar China adalah sukar digambarkan," tambahnya.

Daim, yang menyebut bahawa hubungan antara Malaysia dan China bermula kira-kira 600 tahun lampau, juga berkata bahawa Malaysia tidak melihat sebuah China yang semakin makmur dan moden sebagai satu ancaman kepada negara-negara serantau yang lain.

Beliau menambah bahawa sejarah menunjukkan yang China tidak pernah menjajah mana-mana negara dan yakin bahawa ini akan terus dikekalkan.

"Kita di Asia tidak melihat China sebagai seekor naga yang menyembur api untuk menelan semua industri," katanya. "Bagi kami, sebuah China yang makmur adalah satu kuasa yang baik dan stabil, yang bukan saja membolehkan kami menjual barangan dan perkhidmatan dalam pasaran terbesar di dunia tetapi untuk melabur dalam negara dengan jumlah penduduk yang paling banyak."

Pemodenan China memerlukan sokongan penuh dan berterusan daripada semua mereka yang inginkan keamanan dan kemakmuran di Asia, terutama sekali Asia Timur, tegas beliau.

Daim juga berkata bahawa beliau percaya lebih banyak peluang pelaburan dan perdagangan akan muncul bila hubungan landasan kereta api yang dicadangkan antara negara-negara Asia Tenggara dengan China menjadi kenyataan.

Pembukaan hubungan kereta api akan melengkapi dasar "pintu terbuka" China, katanya.

Terdahulu, Encik Hong Lee Pee, pengerusi eksekutif Pilecon Engineering Bhd, berkata China mempunyai banyak peluang dalam bidang perdagangan dan kegiatan-kegiatan pembangunan yang lain untuk ditawarkan kepada negara-negara Asia dan sebaliknya.

Banyak negara Asia telah melabur di China dan terdapat juga pelabur China yang melihat kepada negara-negara Asia yang lain, kata Hong, yang juga pengerusi forum itu.

"Dengan adanya dasar "pintu terbuka" dan pendekatan pragmatik China, dan pasaran-pasaran Asia yang sedang memuncak, harapan bagi perniagaan dan saling mempercayai nampaknya begitu baik di kedua-dua pihak," tambahnya.

Hong berpendapat bahawa hubungan antara China dan negara-negara Asia yang lain akan diperkukuhkan lagi dan akhirnya menghasilkan sebuah Asia yang makmur dan amat maju.

Beliau berkata Perang Dingin telah mengakibatkan sesetengah negara untuk mempercayai bahawa China adalah sebuah negara yang agresif dan agak militan.

Sebaliknya, beliau berkata China tidak merempuh masuk ke Korea, Vietnam, Thailand atau Malaysia semasa ia memiliki kekuatan.

Sementara itu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam perutusannya kepada forum itu, berkata dagangan dua hala antara Malaysia dan China telah berkembang setiap tahun sebanyak 29 peratus dalam masa lima tahun kebelakangan ini.

Beliau berkata China, melalui reformasi ekonominya, dijangka akan muncul sebagai satu kuasa ekonomi dalam persekitaran ekonomi dunia yang semakin sarwajagat.

Kemunculan China sebagai sebuah ekonomi pasaran yang baru telah menimbulkan begitu banyak keghairahan dalam arena antarabangsa bila ekonominya menempuh kerancakan gelombang pembangunan baru, katanya.

Naib perdana menteri dan menteri luar China Qian Qi Chen, juga mengirim pesanan kepada forum itu. Dalam pesanan yang dibaca oleh Duta China ke Malaysia, Qian Jin Chang, beliau berkata adalah penting bagi China dan Asia untuk sama-sama menubuhkan satu "persekitaran ekonomi antarabangsa yang berpatutan dan adil".

Dalam hubungan ekonomi antarabangsa moden, beliau berkata kerjasama dan peluang-peluang saling muncul bersama-sama persaingan dan cabaran. --

BERNAMA

SHY SIA